



Ruj : UMS/PERP4.1/100-1/7/4

Tarikh : 06 Feb 2018

SEMUA DEKAN

(Senarai edaran seperti di lampiran)

YBhg. Prof. /Datuk / Datin / Dr. / Tuan / Puan,

PEKELILING PERPUSTAKAAN BIL.2 TAHUN 2017: GARIS PANDUAN PENYERAHAN LATIHAN ILMIAH / TESIS / DISERTASI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama ini disertakan Pekeliling Perpustakaan Bil. 2 Tahun 2017: Garis Panduan Penyerahan Latihan Ilmiah / Tesis / Disertasi Universiti Malaysia Sabah yang jelas maksudnya mengenai perkara tersebut di atas untuk makluman dan tindakan lanjut pihak YBhg. Prof. /Datuk / Datin / Dr. / Tuan / Puan.

3. Mohon perkara ini dimaklumkan kepada semua kakitangan di JFPIU masing-masing. Garis Panduan tersebut juga boleh dicapai di laman web Jabatan Perpustakaan <http://www.ums.edu.my/library/>.

Segala perhatian dan kerjasama dari pihak YBhg. Prof. /Datuk / Datin / Dr. / Tuan / Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang ikhlas,

DG RUKIAH AG AMIT

Ketua Pustakawan

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Ketua Bahagian/Cawangan Perpustakaan
 - Penolong Pendaftar
 - Fail



SENARAI EDARAN

1. **Prof. Dr. Baba Musta**
Dekan, Fakulti Sains Dan Sumber Alam
2. **Prof. Dr. Ismail Ibrahim**
Dekan Fakulti Kemanusiaan, Seni Dan Warisan
3. **Prof. Ir Dr. Abdul Karim Bin Mirasa**
Dekan Fakulti Kejuruteraan
4. **Prof. Dr. Sharifudin Md. Shaarani**
Dekan Fakulti Sains Makanan Dan Pemakanan
5. **Prof. Dr. Mohammad Shafree Jeffree**
Dekan Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan
6. **Prof. Dr. Arsiah Bt Bahron**
Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah
7. **Prof. Madya Dr. Raman B. Noordin**
Dekan Fakulti Perniagaan, Ekonomi Dan Perakaunan
8. **Prof. Madya Dr. Mohd. Dahlan Hj. A. Malek**
Dekan Fakulti Psikologi Dan Pendidikan
9. **Prof. Madya Dr. Jualang @Azlan Abdullah Bin Gansau**
Dekan Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa
10. **Prof. Madya Dr. Saafie Salleh**
Dekan Fakulti Pertanian Lestari
11. **Dr. Zaiton Osman**
Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan
12. **Prof. Madya Dr. Ag. Asri Bin Ag. Ibrahim**
Dekan Fakulti Komputeran Dan Informatik



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**MESYUARAT PIHAK BERKUASA PENGURUSAN
UNIVERSITI (PBPU) UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

PEKELILING GARIS PANDUAN PENYERAHAN LATIHAN ILMIAH / TESIS / DISERTASI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.0 TUJUAN

Kertas dasar ini dikemukakan bagi memohon perakuan ahli mesyuarat berhubung pemakaian Pekeliling Garis Panduan Penyerahan Latihan Ilmiah / Tesis / Disertasi Universiti Malaysia Sabah

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Perpustakaan berperanan untuk mengumpul, menyimpan dan memelihara latihan ilmiah, tesis dan juga disertasi UMS sebagai bahan rujukan ilmiah dan juga harta intelek universiti sejak tahun 1999, iaitu bermula sejak graduan pertama UMS. Oleh itu, Perpustakaan telahpun menyediakan satu Garis Panduan Penyerahan Latihan Ilmiah / Tesis / Disertasi Universiti Malaysia Sabah dan telah diluluskan dalam mesyuarat JKPU Bil. 2/2017 [53] pada 28 September 2017 bagi memudahkan pengurusan dan penyerahan Penyerahan Latihan Ilmiah / Tesis / Disertasi UMS. (*Sila rujuk lampiran 1 : Garis Panduan Penyerahan Latihan Ilmiah / Tesis / Disertasi Universiti Malaysia Sabah*)
- 2.2 Pekeliling Garis Panduan ini perlu diedarkan kepada semua fakulti dan Pusat Pengajian Pascasiswazah UMS untuk tujuan pengumpulan, penyimpanan dan pemeliharaan latihan ilmiah, tesis dan disertasi UMS sebagai rujukan ilmiah dan harta intelek universiti.

3.0 SYOR

Mesyuarat dengan hormatnya dipohon untuk memperakukan pemakaian Pekeliling Garis Panduan Penyerahan Latihan Ilmiah / Tesis / Disertasi Universiti Malaysia Sabah.

DISEDIAKAN OLEH:

Dg. Rukiah Ag. Amit

Ketua Pustakawan

Tarikh : 05 Januari 2018



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PEKELILING PERPUSTAKAAN

Tarikh: 13 Oktober 2017

Bil.2/2017

Ruj: UMS/PERP4.1/100-1/7/4

GARIS PANDUAN PENYERAHAN LATIHAN ILMIAH / TESIS / DISERTASI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menetapkan kaedah penyerahan latihan ilmiah/tesis/disertasi Universiti Malaysia Sabah kepada Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah berdasarkan garis panduan yang telah disediakan.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Perpustakaan UMS diberi tanggungjawab untuk mengumpul, menyimpan dan memelihara latihan ilmiah, tesis dan juga disertasi UMS sebagai bahan rujukan ilmiah dan juga harta intelek universiti sejak tahun 1999, iaitu bermula sejak graduan pertama UMS.
- 2.2 Polisi Repositori UMS (UMSIR) diwujudkan pada tahun 2013 dan dikemaskini pada tahun 2017 yang antara objektifnya ialah untuk membolehkan latihan ilmiah, tesis dan juga disertasi UMS di Perpustakaan UMS didigitasi dan dimuatnaik ke dalam sistem berkenaan bagi tujuan perluasan akses secara *online*, meningkatkan tahap keselamatan bahan dan memudahkan urusan penyimpanan. Walau bagaimanapun, pendigitasian dan muatnaik bahan ini adalah tertakluk kepada kebenaran penulis di bawah Akta Hakcipta Malaysia, 1987.
- 2.3 Garis Panduan Penyerahan Latihan Ilmiah, Tesis dan Disertasi UMS disediakan dengan mengambilkira objektif serta keperluan Polisi UMSIR 2017.

3.0 GARIS PANDUAN PENYERAHAN LATIHAN ILMIAH / TESIS / DISERTASI UMS

- 3.1 Fakulti dan Pusat Pengajian PascaSiswazah UMS hanya perlu menyerahkan latihan ilmiah, tesis dan disertasi pelajar mereka kepada Perpustakaan UMS sebanyak dua salinan, iaitu satu salinan jilid bercetak (*hardcopy*) dan satu salinan lagi dalam bentuk elektronik (*softcopy* dalam format pdf.).
- 3.2 Bagi latihan ilmiah PraSiswazah, hanya bahan gred B+ dan ke atas sahaja yang perlu diserahkan kepada Perpustakaan.
- 3.3 Bahan-bahan ini hendaklah diserahkan kepada **Bahagian Sumber Ilmu** Perpustakaan bersama dokumen-dokumen berikut :
 - 3.3.1 *Borang Pengesahan Tesis* yang perlu dilengkapi oleh Penulis;
 - 3.3.2 Surat rasmi penghantaran bahan;
 - 3.3.2 Senarai lengkap bahan (nama judul, penulis, program, tahun terbit, gred diperolehi jika ianya adalah latihan ilmiah).
- 3.4 Bahan yang lengkap dan memenuhi kriteria yang ditetapkan akan didigitasi dan dimuatnaik ke dalam Sistem Repositori UMS (UMSIR), tertakluk kepada kebenaran Penulis di bawah Akta Hakcipta Malaysia, 1987.
- 3.5 Penangguhan tesis dan disertasi untuk tujuan akses boleh dipertimbangkan sehingga mendapat pendaftaran hak milik intelek seperti paten dan seumpamanya.
- 3.6 Bahan asal yang memenuhi kriteria yang ditetapkan akan diproses dan disimpan di dalam koleksi Perpustakaan.
- 3.7 Bahan-bahan yang tidak memenuhi kriteria di atas akan dikembalikan kepada Fakulti / Pusat Pengajian PascaSiswazah.

4.0 PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA

- 4.1 Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih

"BERTEKAD CEMERLANG"

Yang ikhlas,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Rukiah Ag Amit', with a long horizontal flourish extending to the right.

DG RUKIAH AG AMIT

Ketua Pustakawan

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Ketua Bahagian / Cawangan Perpustakaan